

## Peningkatan Kemiskinan: Peranan Had Kifayah dalam Bantuan Zakat (Poverty Increase: The Role of Kifayah Limit in Zakat Assistance)

**Nur Fatin Adilah Rohaizan**  
Universiti Kebangsaan Malaysia

**Mohd Ali Mohd Noor**  
Universiti Kebangsaan Malaysia

**Hairunnizam Wahid**  
Universiti Kebangsaan Malaysia

### ABSTRAK

Kajian ini cuba menilai sama ada peningkatan insiden kemiskinan adalah berpunca daripada kemerosotan jumlah kutipan zakat atau masalah dalam agihan bantuan zakat yang tidak cukup untuk memenuhi keperluan sebenar asnaf fakir miskin. Secara spesifik, objektif kajian ialah untuk mengukur peruntukan zakat yang mencukupi bagi memenuhi keperluan sebenar asnaf fakir miskin. Kajian ini menganggar populasi asnaf fakir miskin dengan mengaplikasikan teori warm glow menggunakan data primer. Maklumat ini kemudian digunakan untuk menganggar kutipan zakat oleh pusat zakat dan penerimaan bantuan zakat oleh asnaf menggunakan data sekunder. Dapatan kajian menunjukkan peningkatan jumlah fakir miskin bukan disebabkan oleh kemerosotan jumlah kutipan zakat. Ia disebabkan oleh jumlah zakat diterima fakir miskin tidak mencukupi untuk memenuhi keperluan asas atau had kifayah mereka. Ini menyebabkan jumlah fakir miskin kekal sepanjang tahun walaupun bantuan zakat telah diberikan. Kajian ini mencadangkan agar pusat zakat mempertimbangkan jumlah pemberian zakat sewajarnya berpandukan kepada keperluan sebenar atau had kifayah sebenar asnaf fakir miskin..

*Kata Kunci:* Zakat; had kifayah; asnaf fakir miskin; insiden kemiskinan; teori warm glow

### ABSTRACT

This study tries to evaluate whether the increase in the poverty incidence is due to the decline in zakat collection or problem faced in zakat distribution in which the amount of zakat assistance is not sufficient to fulfill the real needs of poor. Specifically, the objective of the paper is to measure the appropriate zakat allocation in fulfilling the real need of the poor asnaf. This study estimates the population of the poor by applying warm glow theory using primary data. The information is then used to estimate zakat collected by the zakat centre and zakat assistance received by the asnaf using secondary data. The findings show that the increased in the poor is not due to the reduction in zakat collection. It is due to the zakat amount that received by the poor is far from sufficient in fulfilling their basic needs or kifayah limit. Therefore, the number of the poor remains throughout the year despite zakah distribution being made. This study suggests for the zakat centre to consider the zakat amount given to the poor to be based on the real needs or real kifayah limit of the poor..

*Keywords:* Zakat; kifayah limit; poor asnaf; poverty incidence; warm glow theory

### PENGENALAN

Isu kemiskinan merupakan masalah sejagat semua negara di dunia. Negara yang berstatus negara maju seperti Jepun dan Amerika Syarikat juga turut tidak terlepas dari menghadapi kemelut kemiskinan. Peratus kemiskinan dunia dari tahun 1990 sehingga tahun 2015 adalah tinggi dengan angka kemiskinan tegar sebanyak 10%. Dengan sasaran Bank Dunia untuk mencapai peratus kemiskinan tegar sebanyak 3% menjelang tahun 2030 sudah semestinya memerlukan usaha yang lebih gigih melibatkan semua pihak (World Bank, 2018).

Di Malaysia, kerajaan telah menunjukkan komitmen yang tinggi untuk mengurangkan kadar kemiskinan. Insiden kemiskinan di Malaysia adalah lebih tertumpu di kawasan luar bandar berbanding kawasan bandar (Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, 2017). Pada tahun 2016 dan 2017, bilangan golongan miskin dan miskin tegar telah meningkat sebanyak 11,594 kes. Bagi penerima dana zakat pula, peningkatan jumlah asnaf fakir dan miskin meningkat sebanyak 40,319 kes.

Jadual 1 menunjukkan data tahunan bagi Jumlah Kutipan dan Agihan Zakat, Jumlah Pembayar bagi



This article is published under the Creative Commons Attribution 4.0 International (CC BY 4.0) license.

Zakat Harta dan Kadar Populasi Asnaf Fakir Miskin di Negeri Selangor dari tahun 2009 sehingga 2018. Berdasarkan jadual, wujud tren yang meningkat bagi jumlah kutipan zakat, bilangan pengeluar zakat, jumlah agihan zakat dan bilangan populasi bagi asnaf fakir dan miskin sepanjang tempoh 10 tahun tersebut di negeri Selangor. Pencapaian kutipan zakat yang semakin meningkat menunjukkan kesedaran orang ramai mengenai kepentingan pembayaran zakat adalah semakin baik dari masa ke semasa (Hairunnizam et al. 2012). Hasil pungutan zakat bukan sahaja berperanan dalam membasmi kemiskinan malah dapat digunakan untuk mewujudkan tarikan dana yang boleh digunakan dalam aktiviti pembangunan pembiayaan serta turut boleh menggantikan perbelanjaan kerajaan (Ahmad Fahme et al. 2014).

Melalui peningkatan kutipan zakat, agihan zakat kepada asnaf fakir miskin dapat ditingkatkan. Zakat yang disumbangkan secara terus dan terfokus kepada golongan fakir miskin adalah lebih berkesan berbanding cukai yang bersifat lebih kepada keutamaan awam (Mohd Rodzi et al. 2013). Justeru, zakat bukan sahaja berfungsi untuk membasmi kemiskinan malah zakat juga berperanan sebagai satu instrumen pemangkin pembangunan ekonomi yang dapat membantu negara menuju ke arah negara kaya berpendapatan tinggi (Zarina et al. 2012). Peningkatan pendapatan khususnya melalui bantuan modal zakat bukan sahaja dapat membantu menampung keseluruhan perbelanjaan golongan miskin malah berjaya meningkatkan status mereka kepada status pembayar zakat pada masa hadapan.

Walaupun bagaimanapun, peningkatan tren bagi jumlah pengagihan bantuan zakat dan bilangan populasi asnaf fakir miskin di negeri Selangor sepanjang tempoh 10 tahun tersebut menimbulkan tanda tanya bagaimana negeri yang mempunyai hasil kutipan zakat yang tinggi masih lagi mempunyai jumlah populasi asnaf fakir miskin yang tinggi. Pemberian zakat kepada asnaf yang berkelayakan adalah bergantung kepada garis, had atau kadar kecukupan keperluan asas minimum iaitu had kifayah bagi seseorang individu atau keluarga yang telah ditetapkan oleh pihak institusi zakat. Beberapa persoalan timbul seperti adakah peningkatan kadar populasi asnaf fakir miskin di negeri Selangor tersebut berpunca daripada bantuan agihan zakat yang tidak mencukupi atau penetapan had kifayah yang digunakan oleh institusi zakat lebih rendah dari nilai keperluan asnaf fakir miskin selain daripada kadar had kifayah yang ditetapkan tidak reseptif kepada perubahan harga semasa

Keberkesanan zakat sebagai salah satu instrumen pembasmi kemiskinan juga dipengaruhi oleh banyak perkara. Hal ini kerana masih terdapat beberapa isu yang menghalang potensi zakat dalam memerangi masalah kemiskinan seperti isu keberkesanan pengagihan dan ketelusan institusi zakat dalam mengagihkan hasil zakat kepada asnaf yang berkelayakan (Farah et al. 2012) dan

sistem zakat itu sendiri yang mempunyai kelemahan dari segi perancangan dan implementasi sistem seperti pengagihan kuasa pusat yang kepelbagaian dan berbeza setiap negeri menyebabkan perlaksanaannya tidak seragam dan bertambah rumit (Arif 2017).

Lazimnya, semakin panjang tempoh penerimaan zakat oleh asnaf fakir miskin, semakin baik kualiti hidup mereka dalam suatu tempoh jangka masa panjang (Hairunnizam et al. 2012). Dengan erti kata lain, semakin lama bantuan zakat diterima, jumlah asnaf fakir miskin akan semakin berkurangan. Kajian oleh Ahmad Fahme et al. (2015) mendapati bahawa agihan zakat dapat mengurangkan kemiskinan kerana penerimaan agihan bantuan zakat memberikan kesan yang positif terhadap pendapatan golongan miskin. Justeru kajian ini berobjektifkan untuk menilai jurang pemberian zakat berbanding had kifayah sebenar bagi asnaf fakir miskin di Selangor.

## KAJIAN LEPAS

Zakat memainkan peranan yang penting dalam mengurangkan masalah kemiskinan melalui dasar dan program yang dilaksanakan (Isahaque & Zulkarnain 2014). Pengurusan zakat secara produktif dan professional mampu untuk membantu ekonomi golongan miskin serta dapat membantu pemerintah negara meningkatkan lagi mutu ekonomi negara (Abdul Haris 2017). Kajian oleh Ahmad Fahme et al. (2015) menyatakan bahawa zakat mampu menyumbang kepada pengurangan kadar kemiskinan negara Malaysia dengan cara pengumpulan jumlah kutipan zakat yang lebih banyak dapat dilakukan agihan sumber yang lebih banyak kepada asnaf yang memerlukan. Kajian Abdul Haris (2017) pula menunjukkan bahawa zakat mempunyai hubungan positif dan signifikan terhadap peningkatan pendapatan penerimanya. Dapatan ini selari dengan kajian oleh Mohd Rodzi et al. (2013) yang dijalankan di negeri Kelantan menunjukkan dengan zakat, tingkat pendapatan isi rumah bagi golongan miskin meningkat.

Hasil dapatan oleh Hairunnizam et al. (2012) mendapati hanya pembolehubah zakat, tanggungan dan pendidikan sahaja yang signifikan mempengaruhi kualiti hidup golongan miskin. Namun pembolehubah zakat yang signifikan masih tidak cukup untuk meningkatkan kepuasan kualiti hidup fakir miskin. Dapatan kajian ini adalah seiring dengan dapatan yang diperoleh oleh Hairunnizam et al. (2004) menggunakan kaedah soal selidik yang mendapati tahap kepuasan penerima zakat terhadap kelima-lima ciri kualiti hidup iaitu pendidikan, penyertaan sosial, perumahan, kesihatan pengangkutan dan perhubungan berada pada tahap yang tidak memuaskan.

Terdapat kajian lalu yang menghasilkan method untuk mengukur keberkesanan zakat dalam

JADUAL 1. Data kutipan, bilangan pengeluaran, jumlah agihan dan kadar populasi asnaf fakir miskin di Negeri Selangor dari Tahun 2009 sehingga 2018

A	B	C	D	E	F	G	H	I	J	K	L
Tahun	Jumlah Kutipan Zakat Harta	Jumlah Kutipan Zakat Fitrah	Jumlah Kutipan Zakat	Jumlah Agihan Zakat Kepada Fakir	Jumlah Zakat Kepada Miskin	Jumlah Keseluruhan Agihan Zakat (8 Asnaf)	Bilangan Pengeluaran Zakat Harta	Jumlah Populasi Asnaf Fakir	Jumlah Populasi Asnaf Miskin	Jumlah Keseluruhan Populasi Asnaf Fakir dan Miskin	Kadar Pertumbuhan Populasi Asnaf Fakir dan Miskin (%)
	(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)	(Ribu)	(Ribu)	(Ribu)	(Ribu)	(%)
2009	267.17	16.62	283.79	34.95	71.71	279.19	155.3	10.78	10.65	21.42	14.97
2010	319.35	17.32	336.67	50.78	89.82	364.94	168	9.43	13.82	23.25	8.53
2011	376.13	17.98	394.1	35.5	76.09	373.47	180.62	7.64	13.75	21.4	-7.97
2012	432.48	18.85	451.33	44.33	94.865	401.72	210.52	7.84	17.99	25.84	20.74
2013	497.76	19.54	517.31	53.45	121.65	463.47	237.85	10.18	20.77	30.95	19.78
2014	561.69	20.57	582.26	73.85	161.4	595.75	248.01	13.61	30.05	43.66	41.07
2015	605.72	21.5	627.22	97.65	201.96	676.048	256	13.13	31.16	44.29	1.45
2016	651.5	22.24	673.74	98.44	200.23	697.49	267.43	13.52	32.98	46.5	4.98
2017	733.46	23.65	757.11	88.14	205.74	616.53	278.67	12.17	32.3	45.47	-2.21
2018	768.27	25.41	793.68	121.57	293.03	829.88	293.61	13.91	37.04	50.95	12.04

\*Sumber: Lembaga Zakat Selangor

Nota: 1. Data bagi jumlah populasi asnaf fakir dan miskin ini diperolehi dari data taburan asnaf fakir dan miskin mengikut daerah di negeri Selangor yang merangkumi daerah Hulu Langat, Kuala Selangor, Hulu Selangor, Kuala Langat, Klang, Gombak, Petaling, Sepang, Sabak Bernam dan Desa Ehsan

2. Kadar pertumbuhan populasi asnaf fakir dan miskin diperolehi dengan menggunakan formula berikut:

$$\text{Kadar pertumbuhan populasi} = \frac{I(\text{tahun semasa}) - I(\text{tahun sebelum})}{I(\text{tahun sebelum})} \times 100$$

Asnaf fakir miskin

3. Jumlah keseluruhan agihan zakat merangkumi jumlah agihan kepada kelapan-lapan asnaf yang berkelayakan menerima zakat.

mengurangkan permasalahan kemiskinan. Antaranya ialah kajian oleh Naziruddin et al. (2014) yang telah menghasilkan method untuk mengukur keberkesanan zakat dalam mengurangkan kemiskinan menggunakan indeks BNDI (*Basic Needs Deficiency Index*). Kajian menfokuskan kepada tiga pembolehubah utama iaitu penggunaan dan perbelanjaan isi rumah golongan miskin terhadap keperluan asas, perbelanjaan kerajaan iaitu hasil dari pembayaran zakat dan jumlah penerima zakat. Indeks BNDI mempunyai skala dari 0 sehingga 1. Sekiranya nilai BNDI mempunyai nilai skala yang tinggi, skala tersebut menggambarkan prestasi kemiskinan negara tersebut adalah tidak baik manakala jika skala BNDI adalah rendah, maka menggambarkan sebaliknya.

Bagi kajian ini pula, pengkaji akan menggunakan fungsi persamaan berdasarkan teori *warm-glow* yang merujuk kepada tingkah laku prososial yang menyebabkan si pelaku mengalami perasaan positif, selain memberi implikasi sosialnya (Evren & Minardi 2015). *Warm-glow* merupakan teori ekonomi yang menggambarkan ganjaran emosional yang diperoleh kesan dari pemberian kepada orang lain. Selain itu juga, kegiatan pemberian tersebut memandu kepada tingkat utiliti si pelaku (Andreoni 1989). Model pertama yang menggunakan teori *warm glow* ini telah diasas dan dikembangkan semenjak dari tahun 1989 oleh Andreoni di mana kajian beliau menunjukkan sumbangan peribadi individu untuk aktiviti amal atau kebaikan masyarakat memberikan kesan kepada utilitinya (Evren & Minardi 2015).

Terdapat juga beberapa kajian mengenai had kifayah yang telah dijalankan Kajian had kifayah semasa di Malaysia oleh Baharuddin et al. (2017) menunjukkan elemen had kifayah seperti perlindungan, mempunyai kadar had kifayah yang berbeza antara negeri dan terdapat juga elemen yang kurang jelas nilai had kifayahnya antara negeri kerana kadar penentuan had yang berbeza. Perbezaan dan isu penetapan had kifayah ini menyebabkan pengkaji kajian ini menyarankan agar pihak berwajib mengkaji semula penilaian had kifayah yang ditetapkan berikutan daripada perubahan isu kos sara hidup yang kian meningkat saban tahun. Dalam menangani permasalahan dan isu perbezaan penetapan had kifayah ini, satu kajian oleh Siti Norhidayah dan Hairunnizam (2017) telah mengemukakan solusi dimensi penentuan had kifayah perlulah dilihat dari pelbagai sudut dan tidak tertumpu kepada tingkat pendapatan sahaja. Bagi menilai tahap kekurangan dan keperluan yang baru, selain aspek pendapatan terdapat aspek-aspek kekurangan lain yang boleh diambilkira dan ini secara tidak langsung dapat mewujudkan lagi agihan ekonomi yang lebih telus dan adil dalam kalangan masyarakat disamping dapat memastikan agihan zakat yang dilaksanakan sampai ke golongan sasaran asnaf yang berkecukupan.

## METODOLOGI KAJIAN

Data diperolehi dari beberapa sumber antaranya dari Pusat Lembaga Zakat Selangor, Laporan Pengurusan Zakat Selangor Tahunan, Ringkasan Kutipan dan Agihan Zakat Selangor Tahunan dan lain-lain. Penyelidik menghadapi kekangan untuk memperoleh data bagi jumlah pendapatan asnaf fakir miskin yang menerima zakat dari mana-mana dokumen ataupun sumber dari pusat kerana tertakluk kepada kerahsiaan di Lembaga Zakat Selangor berdasarkan Polisi Perlindungan Data Peribadi. Oleh itu, pengkaji memilih untuk menggunakan teknik persampelan bola salji yang kebiasaannya digunakan sekiranya peserta sukar dikenalpasti atau kes adalah kritikal/sensitif. Teknik persampelan ini memerlukan responden kajian mencadangkan responden yang bersesuaian untuk kajian dan bilangan responden bergantung kepada penyelidik (Norizan & Nadiyah, 2019). Teknik ini memberikan tumpuan terhadap ciri-ciri tertentu dan bersesuaian dengan fokus penyelidikan yang ingin dilakukan untuk memperoleh data tertentu yang tidak dapat diperolehi secara langsung dari mana-mana sumber lain. Menurut Othman (2013), teknik ini memudahkan pengkaji untuk memperoleh maklumat diperlukan dan menjimatkan masa. Pengkaji telah memilih daerah Hulu Langat, Selangor sebagai lokasi utama untuk kajian ini kerana jumlah asnaf fakir dan miskin di daerah tersebut adalah yang tertinggi berbanding daerah-daerah yang lain.

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji dan menganalisis hubungan antara jumlah bantuan zakat, nilai had kifayah dan kadar populasi asnaf fakir miskin di Selangor. Kajian ini menggunakan fungsi persamaan yang telah dibangunkan oleh Norulazidah dan Gareth (2008). Pembolehubah utama dalam kajian ini adalah seperti yang berikut:

1. Jumlah Pungutan Zakat ( $d_{t+1}d_{t+1}$ )  
Merupakan hasil zakat yang diperoleh dari pembayaran zakat yang dilakukan oleh populasi orang kaya. Bagi analisis ini, jumlah pungutan zakat mewakili pungutan zakat harta kerana populasi orang kaya diwakili oleh bilangan pembayar zakat harta.
2. Jumlah Populasi Orang Kaya ( $N_t^r N_t^r$ )  
Orang kaya ialah orang yang mengeluarkan zakat hasil dari kekayaan yang dikumpul olehnya pada tempoh  $t$ . Oleh itu, populasi orang kaya pada tempoh  $t+1$  ( $N_{t+1}^r N_{t+1}^r$ ) ialah  $(1+n_t^r n_t^r) N_t^r N_t^r$  dimana:  
 $n_t^r$  = kadar pertumbuhan populasi orang kaya  
 $N_t^r$  = jumlah pengguna orang kaya yang lahir pada masa  $t$ .

Data jumlah populasi orang kaya diwakili oleh data jumlah pembayar zakat harta bagi tahun yang dikaji.

3. Jumlah Populasi Asnaf Fakir dan Miskin ( $N_t^p, N_t^m$ )  
Asnaf fakir dan miskin ialah orang yang menerima agihan zakat yang diperolehi dari kutipan zakat yang dibayar oleh populasi orang kaya yang mencukupi syarat untuk mengeluarkan zakat.
4. Jumlah Penerimaan Zakat ( $Y_{t+1}, Y_t$ )  
Merupakan jumlah bantuan zakat yang diberikan kepada asnaf fakir dan miskin yang berkelayakan atas dasar memiliki tahap pendapatan yang rendah dan pendapatan yang diperolehi tidak cukup untuk memenuhi keperluan dasarnya.
5. Zakat ( $Z_{t+1}, Z_t$ )  
Merupakan hasil zakat yang diperolehi dari kadar zakat 2.5% didarabkan dengan purata pendapatan tahunan orang kaya.
6. Jumlah Pendapatan Asnaf Fakir dan Miskin ( $Y_{t+1} + l^p w_t, l^p w_t$ )  
Jumlah pendapatan asnaf fakir dan miskin merangkumi jumlah bantuan zakat diterima dan jumlah pendapatan yang diperolehi hasil dari pekerjaan yang dilakukan. Data bagi jumlah pendapatan asnaf fakir dan miskin diperolehi dari teknik persampelan bebola salji yang dijalankan keatas 13 orang responden di kawasan kajian iaitu Hulu Langat, Selangor.
7. Had Kifayah ( $v$ )  
Merupakan jumlah pendapatan yang diperlukan untuk memastikan kadar keberlangsungan hidup adalah mencukupi. Had kifayah berperanan untuk menentukan tahap keperluan yang diperlukan oleh isi rumah untuk menampung keperluan isi rumah tersebut dan ia dapat memudahkan proses penentuan golongan miskin dan miskin tegar (Ahmad Fahme et al. 2014). Data had kifayah diperolehi dari persampelan kajian untuk melihat sejauhmana perbezaan antara jumlah bantuan zakat, nilai had kifayah dan kadar populasi asnaf fakir miskin di Selangor
8. Kadar Pertumbuhan Populasi Asnaf Fakir dan Miskin ( $n_t^p, n_t^m$ )  
Ditentukan oleh jumlah pendapatan asnaf fakir dan miskin. Apabila pendapatan asnaf fakir dan miskin melebihi jumlah had kifayah yang ditetapkan, maka populasi asnaf fakir dan miskin akan berlaku perubahan serta sebaliknya akan berlaku sekiranya pendapatan asnaf fakir dan miskin lebih rendah

dari had kifayah yang ditetapkan (Norulazidah & Gareth 2008)

Kajian ini menganggar jumlah populasi asnaf fakir dan miskin menggunakan teori *warm-glow*. Teori *warm-glow* merupakan satu kepuasan peribadi atau ganjaran emosional yang diperolehi dengan melakukan sesuatu perkara yang betul atau berbuat baik tanpa mengira kesan sebenar kemurahan hati seseorang. Kajian ini menganggarkan terdapat dua jenis pengguna dalam ekonomi yang terdiri daripada pengguna orang kaya (OK) dan pengguna orang miskin (OM). Pada tempoh pertama, orang kaya dan orang miskin kedua-duanya bekerja untuk menjana pendapatan. Walaubagaimanapun pada tempoh pertama ini, hanya orang kaya sahaja yang dapat membuat simpanan hasil dari pendapatan yang diperolehi manakala orang miskin tidak dapat membuat sebarang simpanan oleh kerana pendapatan yang sedia ada hanya mencukupi untuk memenuhi keperluan asas sahaja.

Penggunaan orang kaya tempoh pertama :  $x_{t,t}^r$   
Penggunaan orang miskin tempoh pertama :

$$x_{t,t}^p = l^p w_t$$

Pada tempoh kedua pula, kedua-dua orang kaya dan orang miskin tidak lagi bekerja. Pada tempoh kedua tersebut, orang kaya akan makan tabungan hasil simpanannya sepanjang tempoh pertama yang lalu dan mereka juga perlu untuk membuat pembayaran zakat. Bagi orang miskin pula, pada tempoh kedua, oleh kerana mereka tidak bekerja dan tidak mempunyai sebarang simpanan hasil dari pendapatan yang dijana pada tempoh pertama, maka mereka akan menerima bantuan zakat pada tempoh kedua tersebut.

Penggunaan orang kaya tempoh kedua :  $x_{t,t+1}^r$

Pembayaran zakat tempoh kedua oleh orang kaya :  $Z_{t+1}$

Penggunaan orang miskin tempoh kedua :  $x_{t,t+1}^p = Y_{t+1}$

Maka, fungsi utiliti orang kaya ialah

$$U^r = U(x_{t,t}^r, x_{t,t+1}^r, Z_{t+1}) \tag{1}$$

\*\*Fungsi  $Z_{t+1}$  menggambarkan ciri-ciri model *warm-glow* iaitu pemberian zakat oleh orang kaya kepada orang miskin.

Pembolehubah populasi merupakan salah satu faktor dalaman yang terikat dengan model *warm-glow* (Norulazidah & Gareth 2008). Beberapa persamaan telah dibentuk untuk menganalisis bagaimana zakat mampu untuk mempengaruhi perubahan populasi

orang miskin. Pada permulaannya, terdapat dua jenis pengguna dalam sesuatu tempoh iaitu pengguna orang kaya dan pengguna orang miskin.

1. Jumlah populasi orang kaya pada tempoh  $t$  ialah :

$$N_t^r$$

Jumlah populasi orang miskin pada tempoh  $t$  ialah :

$$N_t^p$$

2. Kadar pertumbuhan populasi orang kaya :  $n_t^r$   
Kadar pertumbuhan populasi orang miskin :  $n_t^p$
3. Jumlah pendapatan orang miskin ialah :

$$Y_{t+1} + I^p w_t \quad (2)$$

dimana:

$Y_{t+1}$  : Jumlah zakat yang diterima

$I^p w_t$  : Jumlah pendapatan yang diperoleh oleh orang miskin hasil dari bekerja

Untuk menilai perubahan insiden kemiskinan berdasarkan kepada peruntukan zakat kepada asnaf fakir miskin, fungsi persamaan kadar pertumbuhan populasi orang miskin akan digunakan. Fungsi persamaan ini secara tidak langsung mengkaji hubungan antara nilai had kifayah, nilai bantuan agihan zakat dan kadar pertumbuhan populasi hubungan orang miskin. Fungsi persamaan kadar pertumbuhan populasi asnaf fakir miskin adalah seperti yang berikut:

$$n_t^p = 1 - \left(\frac{1}{v}\right) (Y_{t+1} + I^p w_t) \quad (3)$$

dimana:

$(Y_{t+1} + I^p w_t)$ : jumlah pendapatan asnaf fakir dan miskin  
 $v$  : had kifayah

$n_t^p$ : kadar pertumbuhan populasi asnaf fakir dan miskin

Sampel responden yang diperoleh akan dipecahkan kepada beberapa kumpulan bilangan isi rumah bagi analisis perubahan kadar pertumbuhan populasi orang miskin secara purata dan secara perbandingan antara penerimaan zakat serta tanpa bantuan zakat.

Hipoteis yang diterbitkan bagi fungsi persamaan ini ialah:

$H_0$ : Zakat tidak mempengaruhi pertumbuhan populasi orang miskin. ( $z_{t+1} = 0$ )

$H_1$ : Zakat mempengaruhi pertumbuhan populasi orang miskin. ( $z_{t+1} \neq 0$ )

Seterusnya, analisis bagi data sekunder yang diperoleh dari tahun 2009 sehingga tahun 2018 melibatkan dua fungsi persamaan iaitu pertamanya fungsi jumlah penerimaan zakat harta yang melibatkan pembolehubah zakat dan jumlah populasi orang kaya pada tempoh  $t$  digunakan untuk mengkaji kesan perubahan populasi orang kaya terhadap jumlah

penerimaan zakat oleh asnaf fakir dan miskin. Pertama sekali, nilai zakat tahunan yang dibayar oleh orang kaya bagi setiap tahun akan dicari terlebih dahulu menggunakan fungsi persamaan jumlah kutipan zakat iaitu:

$$\delta_{t+1} = z_{t+1} \times N_{t+1}^r \quad (4)$$

dimana:

$z_{t+1}$  : Zakat = (kadar zakat x purata pendapatan orang kaya)

$\delta_{t+1}$  : Jumlah pungutan zakat harta

$N_{t+1}^r$  : Jumlah populasi orang kaya pada tempoh  $t+1$  (Jumlah populasi pengeluar zakat harta)

dimana;  $N_{t+1}^r = (1+n_t^r) N_t^r$

$n_t^r$  = kadar pertumbuhan populasi orang kaya

$N_t^r$  = Jumlah populasi orang kaya pada tempoh  $t$

Oleh itu:

1. Sekiranya  $N_t^r$  meningkat, maka jumlah pungutan zakat akan meningkat.
2. Sekiranya  $N_t^r$  menurun, maka jumlah pungutan zakat akan menurun.

Kemudian, nilai dari pembolehubah zakat yang diperoleh akan digunakan pada fungsi berikutnya iaitu fungsi penerimaan zakat. Fungsi ini berfungsi sebagai untuk melihat sejauhmana perubahan populasi dalam kalangan orang kaya (pembayar zakat) dan asnaf fakir miskin mempengaruhi jumlah penerimaan bantuan zakat yang diterima. Fungsi penerimaan zakat adalah seperti berikut:

$$(Y_{t+1} = Z_{t+1} \times \frac{N_t^r}{N_t^p}) \quad (5)$$

dimana:

$z_{t+1}$ : Zakat = (kadar zakat x purata pendapatan orang kaya)

$Y_{t+1}$ : Jumlah penerimaan zakat

$N_t^r$ : Jumlah populasi orang kaya pada tempoh  $t$

$N_t^p$ : Jumlah populasi asnaf fakir miskin pada tempoh  $t$


Oleh itu:

1. Sekiranya  $N_t^r$  lebih besar dari  $N_t^p$ , maka jumlah penerimaan bantuan zakat akan meningkat.
2. Sekiranya  $N_t^r$  lebih kecil dari  $N_t^p$ , maka jumlah penerimaan bantuan zakat akan berkurangan.

Hypothesis yang diterbitkan bagi fungsi persamaan diatas ialah:

$H_0$ : Jumlah populasi asnaf fakir dan miskin tidak mempengaruhi jumlah penerimaan zakat ( $N_t^p = 0$ )

$H_1$ : Jumlah populasi asnaf fakir dan miskin mempengaruhi jumlah pungutan zakat ( $N_t^p = 0$ )



RAJAH 1. Pendapatan berbanding pertumbuhan fakir miskin

Analisis kebercukupan jumlah penerimaan zakat dilakukan dengan membandingkan beberapa peratusan agihan zakat diterima berdasarkan kepada penetapan had kifayah untuk melihat sejauhmana nilai bantuan zakat mencukupi untuk golongan asnaf fakir dan miskin ini. Rajah di bawah menunjukkan hubungan di antara pendapatan asnaf fakir dan miskin dengan kadar pertumbuhan populasi asnaf fakir dan miskin.

1. Apabila jumlah pendapatan asnaf fakir dan miskin ( $Y_3$ ) setelah menerima bantuan zakat lebih besar dari jumlah had kifayah ( $v$ ), maka kadar pertumbuhan populasi asnaf fakir dan miskin adalah negatif. Ini menunjukkan nilai bantuan zakat yang diterima oleh asnaf fakir dan adalah mencukupi.
2. Apabila jumlah pendapatan asnaf fakir dan miskin ( $Y_1$ ) setelah menerima bantuan zakat lebih kecil dari jumlah had kifayah ( $v$ ), maka kadar pertumbuhan populasi asnaf fakir dan miskin menunjukkan nilai yang positif. Ini menunjukkan nilai bantuan agihan zakat yang diterima oleh asnaf fakir dan miskin adalah tidak mencukupi.
3. Apabila jumlah pendapatan asnaf fakir dan miskin ( $Y_2$ ) setelah menerima bantuan zakat sama dengan jumlah had kifayah ( $v$ ), maka kadar pertumbuhan populasi asnaf fakir dan miskin adalah sifar. Ini menggambarkan nilai bantuan agihan zakat yang diterima oleh asnaf fakir dan miskin adalah mencukupi dan tiada kadar pertumbuhan populasi bagi asnaf fakir miskin.

### HASIL KAJIAN

#### PENETAPAN JUMLAH HAD KIFAYAH DAN JUMLAH BANTUAN ZAKAT TERHADAP POPULASI ASNAF FAKIR DAN MISKIN

Bahagian ini akan membincangkan kadar pertumbuhan populasi asnaf fakir miskin di Negeri Selangor menggunakan fungsi persamaan pengiraan kadar

pertumbuhan populasi asnaf fakir miskin ( $n_t^p$ ) melibatkan pembolehubah had kifayah ( $v$ ) dan pendapatan asnaf fakir miskin ( $y_{t+1} + l^p w_t$ ).

Berdasarkan Jadual 2, jumlah had kifayah yang tertinggi ialah isi rumah yang terdiri daripada tujuh orang iaitu responden yang ke lapan sebanyak RM3370 manakala jumlah had kifayah yang terendah ialah RM1375 bagi responden pertama yang terdiri daripada tiga orang isi rumah. Dapatan ini menunjukkan semakin meningkat bilangan isi rumah, semakin meningkat jumlah had kifayah bagi sesebuah isi rumah tersebut. Walau bagaimanapun, jumlah keseluruhan had kifayah turut bergantung kepada ciri-ciri tanggungan isi rumah tersebut. Contohnya, jumlah had kifayah bagi responden ketujuh lebih rendah berbanding jumlah had kifayah responden kesembilan walaupun jumlah isi rumah dan tanggungan mereka adalah sama. Hal ini kerana terdapat dua orang anak yang menuntut di IPT bagi responden kesembilan berbanding hanya seorang sahaja pada responden ketujuh.

Kesemua sampel responden yang diperoleh akan dipecahkan kepada beberapa kumpulan bagi tujuan analisis kes yang akan dipecahkan kepada dua kategori iaitu:

- Kategori 1: Pengiraan Berdasarkan Kepada Perbandingan Kadar Pertumbuhan Populasi Asnaf Fakir dan Miskin antara Pendapatan Tanpa Zakat dan Pendapatan Dengan Zakat.
- Kategori 2: Pengiraan Berdasarkan kepada Kaedah Purata

#### PENGIRAAN KADAR PERTUMBUHAN POPULASI ASNAF FAKIR DAN MISKIN BERDASARKAN POPULASI ORANG MISKIN ANTARA PENDAPATAN TANPA ZAKAT DAN PENDAPATAN DENGAN ZAKAT

Bagi analisis ini, hanya beberapa sampel kajian digunakan iaitu responden yang mempunyai ciri-ciri isi rumah 6 orang, 7 orang dan 8 orang sahaja akan dianalisis. Jadual 3 di bawah menunjukkan hasil

JADUAL 2. Jumlah had kifayah responden

A	B	C	D	E	F	G	H
Kod Sampel	Jumlah Isi Rumah	Jumlah Tanggungan	Status Pekerjaan Isteri	Kadar Rumah	Jumlah Pendapatan (RM)	Jumlah Had Kifayah (RM)	Perbezaan (F) – (G)
1	3	2	Tidak Bekerja	Percuma	500	1375	-875
2	5	4	Tidak Bekerja	Percuma	1800	1895	-95
3	6	5	Tidak Bekerja	Percuma	1000	1845	-845
4	6	5	Tidak Bekerja	Bayar	1500	2910	-1410
5	6	5	Tidak Bekerja	Bayar	1155	2555	-1400
6	7	6	Bekerja	Bayar	1600	3110	-1510
7	7	6	Tidak Bekerja	Percuma	1600	2415	-815
8	7	6	Bekerja	Percuma	1500	3370	-1870
9	7	6	Tidak Bekerja	Percuma	1500	2725	-1225
10	7	6	Tidak Bekerja	Bayar	1700	3055	-1355
11	8	7	Tidak Bekerja	Bayar	1700	3625	-1925
12	8	7	Tidak Bekerja	Percuma	1600	2985	-1385
13	8	7	Tidak Bekerja	Percuma	1800	3055	-1255

\*Sumber: Kerja Lapangan 2019

- Nota
1. Jumlah isi rumah merangkumi jumlah keseluruhan ahli isi rumah
  2. Jumlah tanggungan merangkumi jumlah anak dan isteri.
  3. Jumlah had kifayah dikira berdasarkan kadar yang telah ditetapkan oleh Pusat Zakat Selangor. Rujuk lampiran 1 untuk rujukan kadar had kifayah bagi kadar rumah berbayar dan kadar rumah percuma.
  4. Nilai perbezaan diperoleh dengan (jumlah pendapatan – jumlah had kifayah)

JADUAL 3. Perbandingan populasi asnaf fakir dan miskin tanpa zakat dan dengan zakat

Jumlah Isi Rumah	Purata Jumlah Had Kifayah (RM)	Purata Jumlah Pendapatan (RM)	Pendapatan dengan zakat (Z=RM500)	Kadar Jangkaan Pertumbuhan Asnaf Fakir Miskin ( $n_t^p$ ) Tanpa Zakat	Kadar Jangkaan Pertumbuhan Asnaf Fakir Miskin ( $n_t^p$ ) Dengan Zakat
6	2436.67	1218.33	1718.33	0.5	0.3
7	2935.00	1580.00	2080.00	0.46	0.29
8	3221.67	1700.00	2200.00	0.47	0.32

\*Sumber: Kerja Lapangan 2019

- Nota:
1. Purata jumlah had kifayah diperoleh dengan menjumlahkan kesemua nilai had kifayah mengikut kumpulan bilangan isi rumah dan dibahagikan dengan bilangan sampel responden kumpulan isi rumah tersebut:  
Isi rumah 6 = RM3655/3 Isi rumah 7= RM7900/5 Isi rumah 8= RM5100/3
  2. Purata jumlah pendapatan diperoleh dengan menjumlahkan kesemua nilai pendapatan mengikut kumpulan bilangan isi rumah dan dibahagikan dengan bilangan sampel responden kumpulan isi rumah tersebut.  
Isi rumah 6 = RM7310/3 Isi rumah 7= RM14675/5 Isi rumah 8= RM9575/3
  3. Dianggarkan purata penerimaan zakat sebanyak RM 500 (Z=RM500)
  4. Kadar pertumbuhan populasi asnaf fakir dan miskin diperoleh menggunakan fungsi persamaan [4] yang diterangkan di bahagian method kajian iaitu:  $n_t^p = 1 - \left(\frac{1}{v}\right) (Y_{t+1} + l^p w_t)$ .

pengiraan bagi kadar pertumbuhan populasi asnaf fakir miskin diantara pendapatan dengan penerimaan zakat dan pendapatan tanpa penerimaan bantuan zakat.

Berdasarkan Jadual 3, dapatan kajian menunjukkan jumlah had kifayah yang lebih tinggi lebih mendorong kepada kadar pertumbuhan asnaf fakir dan miskin yang lebih tinggi berbanding had kifayah yang lebih rendah nilainya. Dianggarkan isi rumah menerima zakat bernilai RM 500. Berdasarkan penerimaan zakat tersebut, hasil kajian menunjukkan wujud trend penurunan bagi kadar

pertumbuhan populasi asnaf fakir miskin bagi setiap kumpulan isi rumah kesan dari penerimaan zakat tersebut. Ini bermakna, melalui penerimaan zakat, kadar pertumbuhan populasi asnaf fakir dan miskin semakin berkurangan berbanding dengan kadar pertumbuhan asnaf fakir miskin tanpa sebarang penerimaan zakat. Bagi kumpulan isi rumah 6 orang, kadar pertumbuhan populasi asnaf fakir miskin berkurangan dari 0.5 % ke 0.3%, 0.46% ke 0.29% bagi kumpulan isi rumah 7 orang, dan 0.47% ke 0.32% bagi kumpulan isi



rumah 8 orang. Maka, hipotesis null akan ditolak dan hipotesis alternatif diterima iaitu zakat mempengaruhi pertumbuhan populasi asnaf fakir miskin.

PENGIRAAN KADAR PERTUMBUHAN POPULASI ORANG MISKIN MENGGUNAKAN KAEDAH PURATA

Pada analisis ini, pengkaji menggunakan kaedah purata bagi melihat sejauh mana penerimaan zakat memberi kesan terhadap perubahan kadar pertumbuhan populasi asnaf fakir miskin. Kesemua sampel responden akan digunakan bagi analisis kaedah purata ini. Berikut merupakan nilai purata bagi jumlah pendapatan dan jumlah had kifayah bagi keseluruhan sampel responden kajian.

Dapatan kajian pada Jadual 4 menunjukkan dengan penerimaan zakat, pendapatan asnaf fakir dan miskin dapat ditingkatkan dan nilainya akan menjadi lebih tinggi berbanding dengan pendapatan sebelumnya. Peningkatan pendapatan hasil dari penerimaan zakat mendorong kepada perubahan kadar pertumbuhan populasi asnaf fakir dan miskin berkurangan. Oleh itu, dapatan kajian jelas menunjukkan perubahan dalam jumlah pendapatan asnaf fakir miskin antara yang menerima zakat dengan tidak menerima sebarang bantuan zakat mempengaruhi perubahan kadar pertumbuhan populasi asnaf fakir miskin. Maka, hipotesis null akan ditolak dan hipotesis alternatif diterima iaitu zakat mempengaruhi pertumbuhan populasi asnaf fakir dan miskin.

Dari segi jumlah penerimaan zakat pula, analisis ini menganggarkan isi rumah menerima zakat dengan beberapa jumlah tertentu yang dikelaskan kepada tiga iaitu zakat berjumlah RM300, RM500 dan RM700. Dapatan kajian menunjukkan semakin tinggi jumlah penerimaan zakat bagi sesebuah isirumah, semakin

meningkat pendapatan bagi isirumah tersebut. Purata pendapatan dengan penerimaan zakat RM 700 mencatatkan jumlah yang tertinggi sebanyak RM 2158.08 diikuti dengan purata pendapatan dengan zakat RM 500 sebanyak RM 1958.08, dengan zakat RM 300 sebanyak RM 1758.08 dan tanpa sebarang penerimaan zakat sebanyak RM 1458.08. Peningkatan pendapatan asnaf fakir dan miskin yang lebih tinggi akan mendorong kepada kadar pertumbuhan populasi asnaf fakir dan miskin semakin berkurangan. Melalui peningkatan pendapatan kesan dari agihan bantuan zakat yang diterima, maka jumlah pendapatan tersebut mampu untuk menanggung keperluan isirumah melebihi sebahagian daripada jumlah had kifayah mereka. Hasil kajian menunjukkan kadar pertumbuhan populasi asnaf fakir miskin dengan penerimaan zakat sebanyak RM 300 ialah 0.35, diikuti 0.27 bagi penerimaan zakat RM500 dan 0.19 bagi penerimaan zakat RM700. Oleh itu, kadar pertumbuhan populasi asnaf fakir dan miskin dengan jumlah penerimaan zakat RM700 lebih rendah berbanding penerimaan zakat RM500 dan RM300

KESAN PERUBAHAN POPULASI TERHADAP JUMLAH PENERIMAAN BANTUAN AGIHAN ZAKAT

Bahagian ini akan menganalisis kesan perubahan populasi asnaf fakir miskin terhadap jumlah agihan bantuan zakat menggunakan fungsi persamaan jumlah penerimaan bantuan yang melibatkan pembolehubah jumlah populasi orang kaya ( $N_t^r$ ), jumlah populasi asnaf fakir dan miskin ( $N_t^p$ ) dan pemboleh ubah zakat ( $Z_{t+1}$ ) untuk menjawab objektif kajian yang ketiga.

Jadual 5 (a) menunjukkan dapatan bagi fungsi persamaan keempat iaitu jumlah pungutan zakat ( $\partial_{t+1} = z_{t+1} \times N_{t+1}^r$ ) yang diwakili oleh zakat harta untuk analisis hubungan antara jumlah populasi orang

JADUAL 4. Kadar pertumbuhan populasi asnaf fakir dan miskin mengikut pecahan jumlah zakat

Jumlah Penerimaan Zakat (RM)	Tanpa Zakat (Z=0)	Dengan Zakat (Z=RM300)	Dengan Zakat (Z=RM500)	Dengan Zakat (Z=RM700)
Jumlah Purata had Kifayah (RM)	2685.15			
Jumlah Purata Pendapatan (RM)	1458.08	1758.08	1958.08	2158.08
Kadar Pertumbuhan Populasi Asnaf Fakir dan Miskin ( $n_t^p$ )	0.46	0.35	0.27	0.19

\*Sumber: Kerja Lapangan 2019

- Nota: 1. Purata jumlah had kifayah diperoleh dengan menjumlahkan kesemua nilai had kifayah isi rumah bagi setiap sampel responden dan dibahagikan dengan bilangan sampel responden kajian.  
 - Jumlah purata had kifayah : RM 34920/13
2. Purata jumlah pendapatan diperoleh dengan menjumlahkan kesemua nilai pendapatan isi rumah bagi setiap sampel responden dan dibahagikan dengan bilangan sampel responden kajian.  
 - Jumlah purata pendapatan tanpa zakat : RM 18955/13  
 - Jumlah purata pendapatan dengan zakat (Z= 300) : RM 22855/13  
 - Jumlah purata pendapatan dengan zakat (Z= 500) : RM 25455/13  
 - Jumlah purata pendapatan dengan zakat (Z= 700) : RM 28055/13
3. Dianggarkan penerimaan zakat dikategorikan kepada tiga iaitu Z=RM300, Z=RM500 dan Z=RM700.
4. Kadar pertumbuhan populasi asnaf fakir dan miskin diperoleh menggunakan fungsi persamaan [4] yang diterangkan di bahagian method iaitu:  $n_t^p = 1 - \left(\frac{1}{v}\right) (Y_{t+1} + l^p w_t)$

JADUAL 5(a). Jumlah kutipan zakat, jumlah pembayaran zakat oleh orang kaya dan jumlah populasi orang kaya

A	B	C	D	E	F	G
	Jumlah Populasi Orang Kaya ( $N_t^r$ )	Kadar Pertumbuhan Populasi Orang Kaya ( $n_t^r$ )	Jumlah Populasi Orang Kaya ( $N_{t+1}^r$ )	Jumlah Kutipan Zakat Harta ( $\partial_{t+1}$ )	Kadar Pertumbuhan Jumlah Kutipan Zakat Harta	Jumlah Pembayaran Zakat oleh Orang Kaya Tahunan ( $Z_{t+1}$ ) (D/C)
	(Ribu)	(%)	(Ribu)	(RM Juta)	(%)	(RM)
2009	155.3	10.74	171.98	267.17	15.06	1553.41
2010	168	8.18	181.74	319.35	19.53	1757.17
2011	180.62	7.51	194.18	376.13	17.78	1937.02
2012	210.52	16.55	245.36	432.48	14.98	1762.60
2013	237.85	12.98	268.73	497.76	15.09	1852.30
2014	248.01	4.27	258.61	561.69	12.84	2171.93
2015	256	3.22	264.25	605.72	7.84	2292.28
2016	267.43	4.46	279.37	651.5	7.56	2332.01
2017	278.67	4.20	290.38	733.46	12.58	2525.89
2018	293.61	5.36	309.36	768.27	4.75	2483.43

\*Sumber: Kerja Lapangan 2019

Nota: 1. Kadar pertumbuhan populasi pengeluar zakat diperoleh dengan menggunakan formula berikut:

$$n_t^r = \frac{N_{t(Tahun\ semasa)}^r - N_{t(Tahun\ sebelum)}^r}{N_{t(Tahun\ sebelum)}^r} \times 100$$

- Jumlah populasi orang kaya merupakan jumlah populasi pengeluar zakat harta pada tempoh t yang diperoleh menggunakan fungsi persamaan  $N_{t+1}^r = (1+n_t^r) N_t^r$
- Jumlah pungutan zakat diperolehi dari data tahunan Pusat Zakat Selangor.
- Jumlah zakat iaitu jumlah kadar pembayaran zakat tahunan oleh golongan kaya ( $Z_{t+1}$ ) menggunakan fungsi persamaan [4] yang diterangkan di bahagian method iaitu:  $\partial_{t+1} = Z_{t+1} \times N_{t+1}^r$

JADUAL 5(b). Jumlah penerimaan bantuan agihan zakat oleh asnaf fakir dan miskin

A	B	C	D	E	F	G
Tahun	Jumlah Populasi Asnaf Fakir Miskin ( $N_t^p$ )	Kadar Pertumbuhan Populasi Asnaf Fakir dan Miskin ( $n_t^p$ )	Jumlah Populasi Orang Kaya	Kadar Pertumbuhan Populasi Orang Kaya ( $n_t^r$ )	Jumlah Pembayaran Zakat oleh Orang Kaya Tahunan ( $Z_{t+1}$ )	Jumlah Penerimaan Zakat oleh Asnaf Fakir dan Miskin Tahunan ( $Y_{t+1}$ )
	(Ribu)	(%)	(Ribu)	(%)	(RM)	(RM)
2009	21.42	14.91	155.3	10.74	1553.41	11262.59
2010	23.25	8.54	168	8.18	1757.17	12696.97
2011	21.399	-7.96	180.62	7.51	1937.02	16349.57
2012	25.84	20.75	210.52	16.55	1762.60	14360.01
2013	30.95	19.78	237.85	12.98	1852.30	14234.88
2014	43.66	41.07	248.01	4.27	2171.93	12337.62
2015	44.29	1.44	256	3.22	2292.28	13249.58
2016	46.50	4.99	267.43	4.46	2332.01	13411.82
2017	45.47	-2.22	278.67	4.20	2525.89	15480.31
2018	50.94	12.03	293.61	5.36	2483.43	14314.09

\*Sumber: Kerja Lapangan 2019

Nota: 1. Kadar pertumbuhan populasi bagi orang kaya dan asnaf fakir dan miskin diperoleh dengan menggunakan formula berikut:

$$n_t = \frac{N_{t(Tahun\ semasa)} - N_{t(Tahun\ sebelum)}}{N_{t(Tahun\ sebelum)}} \times 100$$

- Jumlah populasi orang kaya diwakili oleh jumlah pembayar zakat harta.
- Jumlah zakat iaitu jumlah kadar pembayaran zakat tahunan oleh golongan kaya ( $Z_{t+1}$ ) diperolehi melalui penggunaan fungsi persamaan [4] yang diterangkan di bahagian method kajian iaitu:  $\partial_{t+1} = Z_{t+1} \times N_{t+1}^r$ .
- Jumlah penerimaan bantuan agihan zakat tahunan yang diterima oleh golongan asnaf fakir miskin ( $Y_{t+1}$ ) diperolehi melalui fungsi persamaan [5] yang diterangkan di bahagian method kajian iaitu:  $Y_{t+1} = Z_{t+1} \times \frac{N_t^p}{N_t^r}$

kaya dengan jumlah kutipan zakat yang diperoleh bagi tempoh 10 tahun iaitu dari tahun 2009 sehingga 2018. Fungsi persamaan ini juga membantu penyelidik untuk memperoleh data pembolehubah pembayaran zakat yang dilakukan oleh orang kaya secara tahunan ( $Z_{t+1}$ ) yang akan digunapakai untuk analisis seterusnya. Berdasarkan Jadual 5(a), dapatan kajian menunjukkan jumlah pengeluaran zakat ( $N_t^r$ ) dari tahun 2009 sehingga 2018 menunjukkan tren yang meningkat. Peningkatan ini menyebabkan trend bagi jumlah populasi orang kaya ( $N_{t+1}^r$ ) pada tempoh  $t$  yang diperoleh menggunakan fungsi persamaan  $N_{t+1}^r = (1+n_t^r) N_t^r$  turut menghasilkan tren yang meningkat. Dapatan kajian ini menunjukkan semakin meningkat jumlah populasi orang kaya yang tergolong daripada golongan pengeluaran zakat, semakin meningkat jumlah kutipan zakat yang diperoleh bagi tahun tersebut. Dapatan kajian turut menunjukkan tren peningkatan bagi jumlah pembayaran zakat secara tahunan oleh orang kaya yang diperoleh dari fungsi persamaan (4) dalam tempoh 10 tahun tersebut iaitu semakin meningkat bermula dari tahun 2009 sehingga 2011 dan kemudian berkurangan ke tahun 2012 dan kembali meningkat sehingga tahun 2017 dan berkurangan semula pada tahun 2018.

Berbeza pula pada tahun 2014, pada tahun tersebut jumlah populasi orang kaya sebanyak 258 613 menunjukkan trend yang berkurangan berbanding tahun sebelumnya iaitu 268 727 pada tahun 2013 walaupun jumlah pengeluaran zakat pada tahun tersebut iaitu 248 013 adalah lebih tinggi berbanding tahun sebelumnya 237 847. Hal ini kerana kadar pertumbuhan pengeluaran zakat pada tahun tersebut sebanyak 4.27% adalah lebih rendah berbanding tahun sebelumnya iaitu 12.98% pada tahun 2013. Walau bagaimanapun, hasil kutipan zakat yang diperoleh pada tahun tersebut menunjukkan nilai yang lebih tinggi berbanding tahun sebelumnya kerana jumlah pembayaran zakat tahunan pada tahun tersebut RM 2171.93 adalah lebih tinggi berbanding tahun sebelumnya iaitu RM 1852.30.

Justeru, kadar pertumbuhan jumlah kutipan zakat yang diperoleh juga bergantung kepada jumlah kadar pembayaran zakat oleh populasi orang kaya pada tahun tersebut tersebut iaitu semakin meningkat kadar pembayaran zakat oleh orang kaya (pengeluar zakat), semakin meningkat kadar pertumbuhan jumlah kutipan zakat dan sebaliknya. Kesimpulannya, dapatan kajian secara keseluruhan menunjukkan perubahan dalam jumlah populasi orang kaya memberi kesan terhadap perubahan jumlah hasil pungutan zakat sekaligus kepada perubahan terhadap trend jumlah pembayaran zakat secara tahunan yang perlu dibayar.

Jadual 5(b) pula menunjukkan dapatan bagi fungsi persamaan kelima iaitu jumlah penerimaan zakat oleh asnaf fakir miskin pada sesuatu tempoh iaitu ( $Y_{t+1} = Z_{t+1} \times \frac{N_t^r}{N_t^p}$ ). Fungsi persamaan ini digunakan untuk menganalisis kesan perubahan populasi terhadap

jumlah agihan penerimaan bantuan zakat dalam kalangan golongan asnaf fakir miskin. Hasil dapatan kajian mendapati dalam tempoh 10 tahun tersebut, jumlah populasi asnaf fakir miskin semakin meningkat kecuali pada tahun 2011, dan 2017. Analisis sebelum ini menunjukkan peningkatan kutipan zakat kesan dari peningkatan populasi orang kaya. Justeru, peningkatan kutipan zakat akan memberikan kesan kepada peningkatan jumlah agihan bantuan zakat yang boleh diagihkan kepada golongan yang berkelayakan. Walaubagaimanapun, peningkatan jumlah populasi orang kaya yang sekaligus dengan peningkatan populasi asnaf fakir dan miskin mendorong kepada penerimaan zakat yang diterima oleh asnaf fakir miskin kian berkurangan. Berdasarkan dapatan kajian pada jadual 5(b), pada tahun 2009, 2012, 2013, 2014, dan 2018, kadar pertumbuhan populasi asnaf fakir dan miskin yang lebih tinggi berbanding kadar pertumbuhan populasi orang kaya mendorong kepada jumlah penerimaan zakat diterima pada tempoh tersebut semakin berkurangan berbanding tahun sebelumnya. Antara lain ialah, pada tahun 2011, 2015 dan 2017 kadar pertumbuhan populasi asnaf fakir dan miskin yang lebih rendah berbanding kadar pertumbuhan populasi orang kaya pula mendorong kepada jumlah penerimaan zakat diterima oleh asnaf fakir dan miskin pada tahun tersebut semakin meningkat berbanding tahun sebelumnya. Bagi tahun 2010 dan 2016 pula, dapatan diperoleh menunjukkan sebaliknya iaitu walaupun kadar pertumbuhan populasi asnaf fakir dan miskin pada tahun tersebut lebih tinggi dari kadar pertumbuhan populasi orang kaya, jumlah penerimaan zakat pada tahun tersebut meningkat berbanding tahun sebelumnya.

Dapatan kajian ini menunjukkan, perubahan kadar pertumbuhan populasi jumlah populasi asnaf fakir dan miskin yang lebih tinggi berbanding perubahan jumlah populasi orang kaya menyebabkan jumlah penerimaan zakat yang diagihkan kepada asnaf fakir miskin berkurangan manakala peningkatan populasi orang kaya tanpa sebarang perubahan atau berlakunya pengurangan terhadap kadar pertumbuhan populasi asnaf fakir mendorong kepada jumlah penerimaan zakat yang diagihkan dalam kalangan asnaf fakir miskin semakin meningkat dari satu tahun ke tahun yang lain. Oleh itu, secara keseluruhannya, dapatan kajian ini menunjukkan perubahan jumlah populasi mempengaruhi jumlah penerimaan bantuan zakat yang dibolehkan untuk diagih kepada asnaf fakir dan miskin. Dapatan memutuskan hypothesis null ditolak dan hypothesis alternatif diterima.


KEBERCUKUPAN BANTUAN ZAKAT DALAM KALANGAN  
GOLONGAN ASNAF FAKIR DAN MISKIN: ANALISIS  
PERATUSAN AGIHAN ZAKAT BERDASARKAN PENETAPAN  
JUMLAH HAD KIFAYAH

Secara keseluruhannya, dapatan kajian menunjukkan walaupun wujudnya agihan zakat kepada asnaf fakir


miskin, kadar pertumbuhan populasi asnaf fakir dan miskin yang diperoleh masih berkadaran positif (Rujuk Rajah 2). Dapatan ini menggambarkan nilai bantuan agihan zakat yang diterima oleh asnaf fakir miskin masih tidak mencukupi. Justeru, dalam mengenalpasti sejauhmanakah nilai bantuan agihan zakat adalah mencukupi untuk memenuhi keperluan bagi golongan fakir dan miskin, bahagian ini akan menganalisis sejauhmanakah penetapan peratusan agihan bantuan zakat berdasarkan kepada jumlah had kifayah adalah

mencukupi untuk diagihkan kepada golongan asnaf fakir miskin bagi melepaskan mereka dari kelompok kemiskinan dan akhirnya kadar pertumbuhan populasi mereka adalah sifar.

Rajah 3 dibawah pula menunjukkan peratusan agihan zakat berdasarkan jumlah had kifayah bagi isi rumah 6, 7 dan 8 orang. Had kifayah bagi isi rumah 6 orang ialah RM2436.67, isi rumah 7 orang RM 2935 dan isi rumah 8 orang ialah 3221.67. Kadar peratusan 0% menggambarkan tiada sebarang penerimaan agihan



RAJAH 2. Kadar pertumbuhan populasi asnaf fakir dan miskin  
\*Sumber: Kerja Lapangan 2019 (Rujukan: Jadual 4)



RAJAH 3. Peratusan agihan zakat berdasarkan jumlah had kifayah mengikut isi rumah  
\*Sumber: Kerja Lapangan 2019

- Nota:
1. v merujuk kepada jumlah had kifayah bagi setiap isi rumah iaitu v6 ialah had kifayah bagi isi rumah 6, v7 had kifayah isi rumah 7 dan v8 mewakili had kifayah isi rumah 8.
  2. Peratusan 0% menggambarkan tiada sebarang bantuan agihan zakat diterima/ pendapatan asal golongan miskin tanpa sebarang bantuan agihan zakat.
  3. Jumlah peratusan agihan bantuan zakat berdasarkan kepada jumlah had kifayah.
  4. Jumlah bantuan zakat mengikut peratusan setiap isi rumah adalah seperti berikut:  
 Isi Rumah 6: 20%= RM 487.33 30%= RM 731.00 40%= RM 974.67 50%= RM 1218.34  
 Isi Rumah 7: 20%= RM 587.00 30%= RM 880.50 40%= RM 1174.00 50%= RM 1467.50  
 Isi Rumah 8: 20%= RM 644.33 30%= RM 966.50 40%= RM 1288.67 50%= RM 1610.84

bantuan zakat diterima oleh ketiga-tiga isi rumah tersebut. Dapatan kajian menunjukkan, pada kadar peratusan agihan bantuan zakat 20% berdasarkan had kifayah, jumlah pendapatan bagi isi rumah 6 iaitu RM 1705.66, isi rumah 7 RM 2167 dan isi rumah 8 RM2344.33 masih lagi dibawah jumlah had kifayah. Apabila jumlah pendapatan asnaf fakir dan miskin setelah agihan bantuan zakat diterima adalah lebih kecil berbanding jumlah had kifayah, maka nilai bantuan agihan zakat yang diterima oleh mereka adalah tidak mencukupi. Begitu juga bagi peratusan agihan bantuan zakat pada kadar 30% dan 40% daripada jumlah had kifayah bagi isi rumah 6,7 dan 8 iaitu jumlah pendapatan mereka pada kedua-dua peratusan agihan tersebut masih lagi dibawah jumlah had kifayah iaitu pada kadar 30%, pendapatan isi rumah 6 ialah RM 1949.33, isi rumah 7 RM2460.50 dan isi rumah 8 RM 2666.50 manakala pada kadar 40%, pendapatan isi rumah 6 ialah RM 2436.67, isi rumah 7 RM3047.50 dan isi rumah 8 RM 3310.84. Bagi kadar peratusan agihan zakat berdasarkan jumlah had kifayah pada kadar 50%, dapatan kajian mendapati bagi isi rumah 6, jumlah pendapatan yang diperoleh bersamaan dengan nilai had kifayah iaitu RM2436.67 dan bagi isi rumah 7 dan isi rumah 8 jumlah pendapatan mereka melebihi jumlah had kifayah iaitu RM3027.50 bagi isi rumah 7 dan RM3310.84 bagi isi rumah 8. Apabila jumlah pendapatan asnaf fakir dan miskin setelah menerima agihan bantuan zakat lebih besar atau sama dengan berbanding jumlah had kifayah, maka nilai bantuan agihan zakat yang diterima oleh asnaf fakir miskin tersebut adalah mencukupi.

#### PERBINCANGAN

Berdasarkan dapatan kajian, analisis menunjukkan kadar pertumbuhan populasi asnaf fakir miskin yang menerima bantuan zakat adalah lebih rendah berbanding kadar pertumbuhan populasi asnaf fakir miskin tanpa sebarang penerimaan bantuan zakat. Justifikasinya adalah melalui bantuan zakat yang diagihkan, secara tidak langsung memberi perubahan positif terhadap jumlah pendapatan mereka. Jadual 6 merupakan ringkasan dapatan bagi analisis objektif kajian secara keseluruhan.

Secara ringkasnya, analisis dapatan menunjukkan dengan penerimaan bantuan zakat, kadar pertumbuhan populasi asnaf fakir miskin dapat dikurangkan dan semakin meningkat jumlah penerimaan zakat, semakin berkurangan kadar pertumbuhan populasi dapat dikurangkan. Rajah 4 dibawah menunjukkan tren statistik bagi kadar pertumbuhan populasi asnaf fakir miskin tanpa penerimaan zakat adalah lebih tinggi berbanding tren statistik dengan penerimaan bantuan zakat. Pada setiap kelas isi rumah yang berbeza, semakin meningkat jumlah penerimaan zakat, maka kadar pertumbuhan populasi orang miskin semakin berkurangan kesan dari penerimaan zakat tersebut.

Dapatan kajian juga menunjukkan pertumbuhan populasi asnaf fakir miskin yang lebih tinggi berbanding pertumbuhan populasi orang kaya yang merupakan pembayar zakat memberi implikasi terhadap jumlah keseluruhan volume agihan bantuan zakat berkurangan kepada asnaf fakir miskin yang berkelayakan. Selain itu juga, pertumbuhan populasi asnaf fakir miskin yang diperoleh dalam dapatan berkadaran positif menunjukkan nilai bantuan agihan zakat diterima oleh mereka masih tidak mencukupi.

Dapatan kajian bagi analisis kebercukupan jumlah penerimaan agihan bantuan zakat dalam kalangan golongan asnaf fakir miskin berdasarkan kepada jumlah had kifayah pula menunjukkan peratusan agihan bantuan zakat pada kadar 20% sehingga 40%, daripada jumlah had kifayah masih tidak mencukupi sekaligus mendorong kepada wujudnya kadar pertumbuhan populasi asnaf fakir miskin yang berkadaran positif. Bagi pemberian agihan bantuan zakat yang berkadaran 50% dari jumlah had kifayah, jumlah bantuan agihan yang diterima adalah mencukupi dan melebihi daripada jumlah had kifayah bagi isi rumah golongan asnaf tersebut. Justeru, kadar pertumbuhan populasi orang miskin menjadi lebih baik dengan nilai kadar peratusan yang negatif. Analisis kebercukupan yang dijalankan menunjukkan peningkatan dalam jumlah penerimaan bantuan zakat mampu untuk mengurangkan lagi kadar pertumbuhan populasi golongan fakir dan miskin. Kenyataan ini disokong dengan kajian Ahmad Fahme et al. (2015) yang menyatakan bahawa zakat mampu untuk menyumbang kepada pengurangan kemiskinan di negara Malaysia kerana lebih banyak jumlah zakat dikumpul, lebih banyak sumber yang boleh diagihkan kepada asnaf yang memerlukan terutamanya dalam kalangan golongan fakir dan miskin

Agihan bantuan zakat yang diterima mencukupi ataupun tidak bergantung kepada jumlah had kifayah si penerima. Had kifayah berperanan dalam menentukan tahap keperluan oleh isi rumah bagi menampung keperluan harian mereka dan dikira berdasarkan kepada pembolehubah bilangan ahli dalam isi rumah, kumpulan umur dan lain-lain (Ahmad Fahme et al. 2014). Oleh demikian, antara solusi yang boleh diketengahkan dalam memastikan agihan bantuan zakat yang diterima oleh asnaf fakir miskin adalah mencukupi memerlukan pusat zakat untuk membuat penilaian semula terhadap penetapan had kifayah secara berkala bersesuaian dengan perubahan keadaan ekonomi yang seringkali berubah memandangkan penetapan had kifayah yang digunakan kini merupakan had kifayah berdasarkan kepada nilai purata bagi sesebuah negeri. Terdapat beberapa daerah di sesebuah negeri dan sesetengah daerah tergolong dalam kategori bandar dan selebihnya kategori luar bandar. Penggunaan kadar had kifayah secara purata ini dilihat memberi kelebihan kepada penerima zakat di luar bandar berbanding penerima zakat di bandar. Oleh itu, penetapan dan penilaian kepada had kifayah

JADUAL 6. Kadar pertumbuhan populasi asnaf fakir dan miskin mengikut jumlah isi rumah


Jumlah isi rumah	Purata Had Kifayah (RM)	Purata Pendapatan (RM)	Purata Pendapatan Dengan Zakat (RM)	Kadar Pertumbuhan Populasi Tanpa Zakat (%)	Kadar Pertumbuhan Populasi Dengan Zakat (%)	Purata Kadar Pertumbuhan Populasi Dengan Zakat (%)
6	2436.67	1218.33	RM 300 = 1518.33	0.5	RM 300 = 0.38	0.3
			RM 500 = 1718.33		RM 500 = 0.30	
			RM 700 = 1918.33		RM 700 = 0.21	
7	2935	1580	RM 300 = 1880	0.46	RM 300 = 0.36	0.29
			RM 500 = 2080		RM 500 = 0.29	
			RM 700 = 2280		RM 700 = 0.22	
8	3221.67	1700	RM 300 = 2000	0.47	RM 300 = 0.38	0.32
			RM 500 = 2200		Rm 500 = 0.32	
			RM 700 = 2400		RM 700 = 0.26	

\*Sumber: Kerja Lapangan 2019

- Nota:
1. Purata jumlah had kifayah diperoleh dengan menjumlahkan kesemua nilai had kifayah mengikut kumpulan bilangan isi rumah dan dibahagikan dengan bilangan sampel responden kumpulan isi rumah tersebut
  2. Purata jumlah pendapatan diperoleh dengan menjumlahkan kesemua nilai pendapatan mengikut kumpulan bilangan isi rumah dan dibahagikan dengan bilangan sampel responden kumpulan isi rumah tersebut.
  3. Dianggarkan penerimaan zakat dikategorikan kepada tiga iaitu Z=RM300, Z=RM500 dan Z=RM700.
  4. Purata jumlah pendapatan dengan zakat diperoleh dengan menjumlahkan purata pendapatan dengan anggaran nilai zakat yang diterima.
  5. Kadar pertumbuhan populasi orang miskin diperoleh menggunakan fungsi persamaan [4] yang diterangkan di bahagian method iaitu:

$$n_t^p = 1 - \left(\frac{1}{j}\right) (Y_{t+1} + l^p w_t)$$

6. Purata kadar pertumbuhan populasi orang miskin dengan zakat diperoleh dengan menjumlahkan kesemua nilai kadar pertumbuhan populasi mengikut kumpulan isi rumah dan dibahagikan dengan 3 yang mewakili 3 jenis jumlah penerimaan zakat.



RAJAH 4. Kadar pertumbuhan populasi asnaf fakir dan miskin tanpa zakat dan dengan zakat

\*Sumber: Kerja Lapangan 2019

yang baru berdasarkan jenis atau kumpulan daerah adalah satu pembaharuan baru yang boleh dilaksanakan oleh pihak institusi zakat untuk memperbaiki dan menambahbaikkan ketelusan dan keadilan agihan zakat yang diterima oleh asnaf berkelayakan bersesuaian dengan kos sara hidup semasa mereka. Kajian oleh Baharuddin et al. (2017) mengesahkan bahawa wujudnya jurang bagi penetapan had kifayah yang agak besar antara negeri-negeri di Malaysia terutamanya perbezaan had kifayah antara kawasan bandar dan luar bandar yang berpunca daripada perbezaan kos sara hidup. Perbezaan kos sara hidup antara golongan miskin bandar dan

luar bandar berpunca daripada perbezaan perbelanjaan isirumah itu sendiri iaitu peratusan perbelanjaan isi rumah golongan kawasan bandar lebih tertumpu kepada barangan bukan makanan seperti rumah, pengangkutan dan pelajaran manakala peratusan perbelanjaan bagi golongan kawasan luar bandar banyak tertumpu kepada perbelanjaan makanan (Ahmad Fahme et al.2014).

Disebabkan penilaian semula dan perubahan nilai kadar had kifayah yang telah ditetapkan akan melalui proses yang lebih sukar dan rumit, maka pengkaji turut berpandangan solusi lain yang boleh dilaksanakan ialah pihak zakat mengubah kadar peratusan bantuan zakat

yang diagihkan berdasarkan kepada jumlah had kifayah mengikut kesesuaian perubahan keadaan ekonomi semasa kerana nilai zakat yang sedikit tidak mampu untuk memberikan impak positif kepada pengurusan kos sara hidup dan perubahan kualiti hidup golongan fakir miskin. Dapatan kajian yang menunjukkan peratusan bantuan zakat yang diagih berkadar 40% menunjukkan gambaran bagi pendapatan asnaf fakir miskin menjadi lebih hampir dengan garisan jumlah had kifayah isi rumah mereka. Semakin hampir jumlah pendapatan orang miskin kepada jumlah had kifayah, semakin hampir kadar pertumbuhan populasi orang miskin tersebut pada kadar sifar iaitu kadar pertumbuhan populasi yang disasarkan. Selain itu juga, pusat zakat juga disarankan untuk mempertimbangkan pemberian agihan kepada golongan asnaf ini melebihi sedikit dari penetapan nilai had kifayah mereka. Melalui penerimaan bantuan zakat yang lebih banyak, kadar pertumbuhan populasi orang miskin dapat dikurangkan impak daripada kecukupan agihan bantuan zakat yang diperoleh.

#### KESIMPULAN

Pengagihan zakat kepada asnaf fakir dan miskin sangat memberi kesan kepada keberlangsungan hidup mereka kerana jumlah pendapatan mereka dapat ditingkatkan melalui penerimaan bantuan zakat. Kajian ini membuktikan zakat berperanan mengurangkan masalah kemiskinan yang melanda.

Dapatan kajian turut menunjukkan melalui agihan zakat kepada asnaf fakir miskin, kadar pertumbuhan populasi mereka dapat dikurangkan dan semakin besar nilai penerimaan zakat tersebut, semakin berkurangan kadar pertumbuhan populasi mereka. Walaubagaimanapun, bantuan zakat yang diagihkan pada tempoh 10 tahun yang dikaji dilihat masih tidak mencukupi bagi golongan asnaf fakir miskin tersebut memandangkan kebercukupan penerimaan agihan zakat oleh penerima bantuan zakat bergantung kepada penetapan jumlah had kifayah mereka sendiri. Sememangnya agak mustahil untuk institusi zakat untuk memenuhi kebercukupan bantuan zakat yang diagihkan kepada asnaf yang berkecukupan walaubagaimanapun, kajian ini memberi satu gambaran bahawa pada satu peratusan agihan bantuan zakat yang sewajarnya, dapat memberi implikasi yang lebih baik dan positif kepada golongan asnaf fakir miskin walaupun bantuan yang diagihkan tidak mencapai tahap kebercukupan yang sepatutnya oleh kerana agihan bantuan zakat yang rendah tidak mampu memberi impak yang terkesan kepada golongan tersebut.

Oleh itu, nilai bantuan zakat yang perlulah disesuaikan mengikut keperluan dan keadaan ekonomi semasa. Melalui agihan zakat yang lebih banyak juga dapat membantu golongan tersebut untuk menjadi lebih

rajin dan bermotivasi meningkatkan lagi pendapatan dan kualiti hidup mereka sekaligus mendorong mereka untuk keluar dari bebanan kemiskinan. Selain itu juga, fungsi persamaan yang digunakan dalam kajian ini boleh diguna pakai untuk penganggaran kebarangkalian akan datang dan penambahbaikan terhadap fungsi persamaan digalakkan agar kemungkinan ukuran yang diperoleh adalah lebih tepat. Antara lain, bilangan sampel kajian boleh diperbanyakkan lagi melalui memperbesar lagi skop kawasan kajian yang dikaji dan tidak tertumpu kepada satu kawasan sahaja. Akhir sekali, turut dicadangkan bagi kajian akan datang untuk menggunakan kadar had kifayah mengikut daerah untuk memperoleh dapatan kajian yang lebih tepat dan mencerminkan sepenuhnya dapatan bagi daerah yang dikaji.

#### RUJUKAN

- Abdul Haris. 2017. Zakat dalam mendorong pertumbuhan ekonomi dan pengentasan kemiskinan. *Jurnal Ilmiah Ekonomi Islam* 31(1): 41-51.
- Wahab, A.A. & Borhan, J.T. 2014. Faktor penentu pembayaran zakat oleh entiti perniagaan di Malaysia: Satu tinjauan teori. *Jurnal Syariah* 22(3): 295- 322.
- Ahmad Fahme, M.A., M.Faisol, M.Ridhwan & Fuadah J. 2014. Konsep dan isu had kifayah, kemiskinan bandar dan jantina dalam pengagihan zakat. *Labuan e-Journal of Muamalat and Society* 8(1): 14-26.
- Ahmad Fahme Mohd Ali, Zakariah Abd.Rashid, Fuadah J. & dan M.Ridhwan. 2015. The effectiveness of zakat in reducing poverty incident: An analysis in Kelantan, Malaysia. *Asian Social Science* 11(21): 355-367
- Arif M. 2017. Zakat as a mode of poverty alleviation. *International Journal of Economics & Management Sciences* 6(6).
- Baharuddin Sayin, Azri Bhari & Mohd Afandi. 2017. Analisis had kifayah semasa di Malaysia: Satu semakan semula. *Memperkasa Kutipan dan Agihan Zakat di Malaysia, Penerbit USIM* (1): 1-10.
- D.H. Norulazidah P.H. Omar Ali & Gareth D. Myles. 2008. The consequences of zakat for capital accumulation. *Journal of Public Economic Theory, Association for Public Economic Theory* 12(4): 837-856.
- Farah Aida, Rashidah Abd Rahman & Normah Omar. 2012. Zakat and poverty alleviation: Roles of zakat institutions in Malaysia. *International Journal of Arts and Commerce* 1(7): 61-72.
- Hairunnizam Wahid, Sanep Ahmad & Mohd Ali Mohd Noor. 2004. Kesan bantuan zakat terhadap kualiti hidup: Kajian kes asnaf fakir dan miskin. *Journal of Muamalat and Islamic Finance Research* 1(1): 151-166.
- Hairunnizam Wahid, Sanep Ahmad & Radiah Abdul Kader. 2012. Pengaruh faktor keagamaan terhadap kualiti hidup individu: Kajian kes asnaf fakir dan miskin di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. *Jurnal Pengurusan JAWHAR* 6(1): 131-155.
- Isahaque A. & Zulkarnain A.H. 2014. Zakat as a poverty reduction mechanism among the Muslim community: Case study of Bangladesh, Malaysia an Indonesia. *Asian Social Work and Policy Review* 8 (1): 59-70.

- Jaafar Ahmad, Sanep Ahmad & Hairunnizam Wahid. 2011. *Ekonomi Islam: Satu Pendekatan Analisis*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).
- Andreoni, J. 1989. Giving with impure altruism: Applications to charity and ricardian equivalence. *The Journal of Political Economy* 97(6): 1447-1458.
- Kementerian Pembangunan Luar Bandar. 2019. *Data Asas KPLB 2019*. Putrajaya. Kementerian Pembangunan Luar Bandar.
- Lembaga Zakat Selangr. 2018. *Laporan Pengurusan Zakat Selangor 2017*. Shah Alam: Lembaga Zakat Selangor (LZS).
- Lembaga Zakat Selangr. 2017. *Laporan Pengurusan Zakat Selangor 2016*. Shah Alam: Lembaga Zakat Selangor (LZS).
- Lembaga Zakat Selangr. 2016. *Laporan Pengurusan Zakat Selangor 2015*. Shah Alam: Lembaga Zakat Selangor (LZS).
- Lembaga Zakat Selangr. 2015. *Laporan Pengurusan Zakat Selangor 2014*. Shah Alam: Lembaga Zakat Selangor (LZS).
- Lembaga Zakat Selangr. 2014. *Laporan Pengurusan Zakat Selangor 2013*. Shah Alam: Lembaga Zakat Selangor (LZS).
- Lembaga Zakat Selangr. 2013. *Laporan Pengurusan Zakat Selangor 2012*. Shah Alam: Lembaga Zakat Selangor (LZS).
- Lembaga Zakat Selangr. 2012. *Laporan Pengurusan Zakat Selangor 2011*. Shah Alam: Lembaga Zakat Selangor (LZS).
- Mohd Rodzi Embong, Roshaliza Taha & Mohd Nazli Mohd Nor. 2013. Role of zakat to eradicate poverty in Malaysia. *Jurnal Pengurusan* 39(13):141-150.
- Mujaini Tarimin. 2005. *Golongan Penerima Zakat: Agihan Dana Zakat Secara Lebih Berkesan*. Shah Alam: Penerbit UiTM.
- Naziruddin Abdullah, Alias Mat Derus & Husam-Aldin Nizar Al-Malkawi. 2014. The effectiveness of zakat in alleviating poverty and inequalities. *Emerland group Publishing Limited, Humonomics* 31(3): 314- 329.
- Norizan Yusof & Nadiyah Elias. 2019. Proses penyesuaian perubahan yang dilalui oleh saudara Muslim: Satu kajian kes di negeri Kedah Darul Aman. *Journal of Scieces and Management Research* (2): 61-86.
- Othman Talib. 2013. *Asas Penulisan Tesis Penyelidikan & Statistik*. Selangor: Penerbitan Putra Malaysia.
- Evren, O. & Minardi, S. 2015. Warm glow giving and freedom to be selfish. *Economic Journal, Royal Economic Society* 127(603): 1381-1409.
- Siti Norhidayah Hamzah & Hairunnizam Wahid. 2017. Pengurusan zakat di Malaysia: Satu pendekatan analisis gelagat. *Pengurusan Zakat di Malaysia: Satu Pendekatan Analisis Gelagat* (19): 331-352. Bangi: EKONIS-UKM.
- The World Bank. 2018. *Decline of Global Extreme Poverty Continues but Has Slowed: World Bank*. <https://www.worldbank.org/en/news/press-release/2018/09/19/decline-of-global-extreme-poverty-continues-but-has-slowed-world-bank>
- Zarina Kadri, Sanep Ahmad & Mohd Ali Mohd Noor. 2012. Zakat sebagai pemangkin pembangunan ekonomi: Ke arah negara berpendapatan tinggi. *Persidangan Kebangsaan Ekonomi Malaysia ke VII* (2): 1263- 1273.
- Nur Fatin Adilah Rohaizan  
Fakulti Ekonomi & Pengurusan  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
43600 UKM Bangi, Selangor,  
MALAYSIA.  
E-mel: fatinadicy24@gmail.com
- Mohd Ali Mohd Noor.  
Fakulti Ekonomi & Pengurusan  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
43600 UKM Bangi, Selangor,  
MALAYSIA.  
E-mel: ali@ukm.edu.my
- Hairunnizam Wahid\*  
Fakulti Ekonomi & Pengurusan  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
43600 UKM Bangi, Selangor,  
MALAYSIA.  
E-mel: hairun@ukm.edu.my


\* Penulis koresponden




LAMPIRAN

LAMPIRAN 1. Penetapan kadar had kifayah

Bil	Kategori	Kadar Had Kifayah (Kadar Rumah Berbayar)	Kadar Had Kifayah (Kadar Rumah Percuma)	Bil. Orang	Jumlah (RM)
1.	Ketua keluarga	940	610		
2.	Pasangan (Tidak bekerja)	195	195		
3.	Dewasa Bekerja (18 thn keatas)	395	395		
4.	Dewasa Tidak Bekerja (18 thn keatas)	195	195		
5.	Anak Belajar IPT	570	570		
6.	Anak bersekolah berumur 6-17 Tahun	260	260		
7.	Anak Berumur 0-5 Tahun	115	115		
JUMLAH					
8.	Tanggunggan/Anak Cacat	200	200		
9.	Penjagaan Anak	250	250		
10.	Kos Perubatan Sakit Kronik	200	200		
JUMLAH HAD KIFAYAH					



LAMPIRAN 2. Jumlah bilangan pengeluar zakat dan populasi asnaf fakir dan miskin di negeri Selangor dari tahun 2009 sehingga tahun 2018



LAMPIRAN 3. Jumlah kutipan dan agihan zakat di negeri Selangor dari tahun 2009 sehingga tahun 2018